



Anggota keselamatan dan tentera mengangkat mangsa tanah runtuh disebabkan hujan lebat di Kumano wilayah Hiroshima semalam. EPA

BAH MELANDA JEPUN

BH 10/07/2018
ms. 69

Cuba kesan mangsa banjir, tanah runtuh

➔ 112 maut selepas hujan luar biasa

✦ Mihara

Anggota penyelamat menggali lumpur dan runtuhan di barat Jepun semalam dalam usaha mencari mangsa selepas hujan lebat luar biasa menyebabkan banjir dan tanah runtuh yang sudah meragut 112 nyawa manakala puluhan lagi hilang.

Bagi pekerja penyelamat berkata, masih ada peluang untuk mengesan mangsa yang masih hidup selepas ini, tetapi turut mengaku kemungkinan itu semakin tipis.

"Sudah masuk tiga hari. Kemungkinan ada mangsa terselamat, tetapi peluang menemui mereka semakin tipis," kata se-

pung dan memaksa penduduk duduk atas bumbung sementara menantikan usaha pemindahan oleh helikopter.

Gelombang haba

Sementara itu, hujan dilaporkan berkurangan di seluruh kawasan yang ditimpa hujan lebat. Langit biru kelihatan tetapi cuaca panas dijangka melonjakkan suhu melebihi 30 darjah Celsius.

Ia menimbulkan kebimbangan gelombang haba di kawasan yang terputus bekalan elektrik dan air.

"Kami tidak dapat mandi, tandas tidak berfungsi dan bekalan makanan semakin sedikit. Air dan teh yang dibotolkan sudah kehabisan stok di kedai serbaneka dan kedai lain," kata Yumeko Matsui, 23.

Rumahnya terletak di Mihara dan dia berhadapan gangguan bekalan air sejak Sabtu lalu. Hampir 13,000 pelanggan mengalami gangguan elektrik;



Kami tidak dapat mandi, tandas tidak berfungsi dan bekalan makanan semakin sedikit. Air dan teh yang dibotolkan sudah kehabisan stok di kedai serbaneka dan kedai lain"

Yumeko Matsui,
Penduduk

meninggalkan kediaman, lapor stesen televisyen NHK.

Banjir paling buruk sejak 17 maut dalam hujan lebat pada 1983. Kali ini, 79 orang lagi masih hilang, menurut NHK.

Batal lawatan

Walaupun hujan yang sebelum ini berterusan sudah berhenti, pegawai memberi amaran supaya berwaspada dengan hujan tiba-tiba dan ribut petir selain risiko tanah runtuh.

Sementara itu, Perdana Menteri Shinzo Abe membatalkan lawatan ke luar negara kerana meninjau bencana itu, kata sumber parti pimpinannya. Lawatan itu membawa beliau ke Belgium, Perancis, Arab Saudi dan Mesir sepatutnya bermula esok.

Operasi industri juga terjejas dengan Mazda Motor Corp terpaksa menutup pejabat utamanya di Hiroshima.

Pengeluar kenderaan itu berkata, pemberhentian memasang